

**JADUAL KETIGA**  
**KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 1995 (Disemak 2002)**  
**BAHAGIAN SATU**  
**FEE PERMOHONAN UNTUK KEBENARAN MERANCANG**  
**[Kaedah 5]**  
**mengikut**  
**Seksyen 58(2) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976**

Ruangan 1 Kategori	Ruangan 2 Fee
(1) Untuk mendirikan sebuah bangunan baru sama ada di atas tanah kosong atau menggantikan sebuah bangunan yang sedia ada di atas sesuatu tanah.	
(a) Untuk tujuan kediaman	<p>RM30.00 seunit bagi 100 unit rumah yang pertama</p> <p>RM25.00 seunit bagi 100 unit selepas itu.</p> <p>RM20.00 seunit bagi lebih 200 unit</p>
(b) Untuk tujuan bukan kediaman:	
(i) stesen minyak petrol	RM500.00 satu permohonan
(ii) pemajuan terbuka/pandu masuk seperti restoran, panggung wayang	RM500.00 satu permohonan
(iii) Untuk mendirikan bangunan selain dari yang dinyatakan di dalam perenggan kecil (i) dan (ii)	RM4.00 bagi setiap 100 kaki persegi atau sebahagian darinya.
(c) Untuk pemajuan campuran yang terdiri dari tujuan kediaman dan bukan kediaman.	Bayaran ditentukan dalam perenggan 1(a) dan 1(b)
(d) Untuk mendirikan bangunan selain dari yang dicatatkan di dalam (a) dan (b)	RM20.00 satu permohonan
(2) Untuk membuat perubahan yang matan dalam penggunaan tanah.	RM100.00 satu permohonan

Ruangan 1 Kategori	Ruangan 2 Fee
(3) Untuk membuat perubahan yang matan dalam penggunaan bangunan.	RM100.00 satu permohonan untuk bangunan kelak.  RM30.00 satu permohonan untuk bangunan sementara/ separa kekal
(4) Untuk menjalankan tambahan/pindaan ke atas sesuatu bangunan:	
(a) Untuk tujuan kediaman:	
(i) Untuk tambahan/pindaan yang melibatkan tambahan bilangan unit.	RM30.00 seunit bagi setiap tambahan 100 unit rumah yang pertama.  RM25.00 seunit bagi setiap tambahan 100 unit selepas itu.  RM20.00 seunit bagi lebih dari 200 unit.
(ii) Untuk tambahan/pindaan yang tidak melibatkan tambahan bilangan unit.	RM10.00 satu permohonan.
(b) Untuk tujuan bukan kediaman:	
(i) Untuk tambahan/pindaan yang melibatkan tambahan kepada ruang lantai bangunan.	RM4.00 bagi setiap tambahan 100 kaki persegi atau sebahagian darinya.
(ii) Untuk tambahan/pindaan yang tidak melibatkan tambahan kepada ruang lantai bangunan.	RM20.00 satu permohonan.
(c) Untuk pemajuan campuran yang terdiri dari tujuan kediaman dan bukan kediaman.	Bayaran ditentukan di dalam perenggan kecil 4(a) dan 4(b)

**JADUAL KETIGA**  
**KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 1995 (Disemak 2002)**  
**BAHAGIAN DUA**

**FEE PERMOHONAN UNTUK MELANJUTKAN KEBENARAN MERANCANG**

[Kaedah 5]

mengikut

Seksyen 24(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Ruangan 1 Kategori	Ruangan 2 Fee
1. Untuk mendirikan sebuah bangunan sama ada di atas tanah kosong atau menggantikan sebuah bangunan yang sedia ada di atas sesuatu tanah.	Sepuluh ringgit (RM10.00) setiap permohonan atau sepuluh peratus mana-mana yang lebih tinggi, daripada fee yang dikenakan di Ruangan 2, Kategori 1 dalam BAHAGIAN SATU.
2. Untuk membuat perubahan yang matan dalam penggunaan tanah	Sepuluh ringgit (RM10.00) setiap permohonan atau sepuluh peratus mana-mana yang lebih tinggi, daripada fee yang dikenakan di Ruangan 2, Kategori 2 dalam BAHAGIAN SATU.
3. Untuk membuat perubahan yang matan dalam penggunaan bangunan.	Sepuluh ringgit (RM10.00) setiap permohonan atau sepuluh peratus mana-mana yang lebih tinggi, daripada fee yang dikenakan di Ruangan 2, Kategori 3 dalam BAHAGIAN SATU.

**JADUAL KETIGA**  
**KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 1995 (Disemak 2002)**  
**BAHAGIAN TIGA**

**FEE TAMBAHAN UNTUK PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG**

[Kaedah 5]

mengikut

Seksyen 27(3) dan 28(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Ruangan 1 Kategori	Ruangan 2 Fee
(A) Untuk kemajuan di mana tidak terdapat kebenaran merancang yang sah, atau kelulusan pelan bangunan yang sah.	Sepuluh kali ganda fee yang dikenakan dalam Ruangan 2, BAHAGIAN SATU.